

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	BERITA HARIAN	SECTION:	NASIONAL
DATE:	TUESDAY, 19 NOVEMBER 2019	PAGE NO.:	12
CIRCULATION:	82,252	FREQUENCY:	DAILY
HEADLINE:	MALAYSIA SUARAKAN ISU KESELAMATAN SIBER PADA ADMM RETREAT		

Malaysia suarakan isu keselamatan siber pada ADMM Retreat

Kuala Lumpur: Cabaran keselamatan bukan tradisional, termasuk keselamatan siber antara isu yang disuarakan Malaysia pada Perมุkiman Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM Retreat) yang berlangsung di Bangkok, Thailand, selama dua hari bermula kelmarin.

Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, turut menyuarakan kebimbangannya mengenai situasi yang menimpa etnik Rohingya di wilayah Rakhine, Myanmar.

"Keadaan semasa harus ditangani dengan bijaksana untuk mengelakkan etnik Rohingya melarikan diri ke negara jiran, termasuk Malaysia.

"Kita harus menghalang mereka daripada terpengaruh dengan ideologi ekstremisme akibat penderitaan dialami mereka," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan, semalam.


Dalam pemukiman itu, Mohamad turut menghadiri mesyuarat ADMM-Plus Ke-6 dengan Malaysia menekankan mengenai isu geopolitik yang rumit di Laut China Selatan, selain menegaskan supaya negara berkaitan untuk menghormati dan mematuhi komitmen yang dibuat pada mesyuarat sebelum ini.

Mesyuarat ADMM-Plus disertai 10 negara ASEAN bersama Australia, China, India, Jepun, New Zealand, Korea Selatan, Russia, dan Amerika Syarikat.

Selain itu, Mohamad menggalakkan anggota ADMM-Plus menghayati tema mesyuarat terbabit, iaitu Keselamatan Mapan bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan rantau dengan berkonsepkan 'ASEAN Centrality' sebagai panduan utama.

Mohamad turut mengambil bahagian dalam tiga Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN, iaitu dengan China, Jepun dan Amerika Syarikat, serta mengadakan pertemuan dua hala dengan Australia, China dan New Zealand.

Perมุkiman Mesyuarat ADMM dan ADMM-Plus ke-6 juga diadakan bersekali dengan Defense & Security 2019, iaitu pameran pertahanan yang dianjurkan oleh kerajaan Thailand.

 **Keadaan semasa harus ditangani dengan bijak untuk mengelakkan etnik Rohingya melarikan diri ke negara jiran.**

Mohamad Sabu,
Menteri Pertahanan